



LEMBAH LINGGAT
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

UTUSAN KOTA

TIANG lampu turut menjadi sasaran ah long menampal iklan haram di sekitar pekan Bahau, Negeri Sembilan.

ANTARA papan tanda dan tiang lampu yang menjadi sasaran ah long di sekitar Bahau, Negeri Sembilan.

Iklan haram ditampal sesuka hati Papan tanda ah long punya?

Oleh AZMA KHAIRUL AZHAR
kha@utusan.com.my

■ JEMPOL 10 OKT.

Di mana ada papan tanda jalan, di situ pasti ada iklan pinjaman wang dilekatkan. Begitulah keadaannya di sekitar pekan Bahau dekat sini apabila ah long menjadikan papan tanda sebagai lokasi untuk menampal iklan bagi menarik perhatian golongan yang terdesak dan memerlukan wang.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati puluhan papan menjadi komot akibat dipenuhi tampalan kertas iklan sehingga mesej sebenar yang ingin disampaikan kepada pengguna tidak dapat tidak dapat dilihat dengan jelas.

Menurut seorang penduduk, Nadia Kamarulzaman, 21, situasi itu menyusahkan pengguna kenderaan yang kadangkala tidak nampak apa yang tertera di atas papan tanda jalan semasa memandu.

"Walaupun pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menanggalkan iklan haram tersebut tetapi kesannya masih ada. Ini menjejaskan pandangan pemandu yang kadangkala tidak sedar arah pada papan tanda tersebut."

"Saya lihat hampir kesemua papan tanda dan tiang elektrik di pekan ini menjadi sasaran ah long dan ini memang menjejaskan imej kawasan ini," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Bellau berkata, walaupun pihak berkuasa telah cuba me-

Walaupun pihak berkuasa tempatan (PBT) telah menanggalkan iklan haram tersebut tetapi kesannya masih ada. Ini menjejaskan pandangan pemandu yang kadangkala tidak sedar arah pada papan tanda tersebut."

ZAZALI SALEHUDIN
Yang Dipertua MDJ

ranggani perbuatan tersebut namun ia masih berlarutan seolah-olah tidak ada penyelesaian. Sementara itu, seorang penduduk, Amar Mokhtar, 26, berkata, sudah sampai masanya pihak berkuasa berkesan dalam isu tersebut kerana perbuatan itu semakin berleluasa bulat-bulat di Bahau malah di seluruh negara.

"Kalau kita pergi ke semua bandar di negara ini hampir semuanya mengalami masalah yang sama. Ah long tidak pemilih, walaupun amaran dan tindakan pernah diambil terhadap mereka. Kalau situasi ini dibiarkan sudah tentu masalah ini tidak akan selesai sampai bila-bila dan sampai ke maharajalet," katanya.

KAMI PANTAU
KHIDMAT ANDA



KEBAHIRAN
Iklan haram yang ditampal di sekitar pekan Bahau terus membingungkan penduduk setempat.

Pinjaman Minggu	
Pinjam 2000	Bayar 1 Minggu = 180
Pinjam 3000	Bayar 1 Minggu = 252
Pinjam 5000	Bayar 1 Minggu = 420
Pinjaman Bulanan	
Pinjam 5000	Bayar 1 Bulan = 360
Pinjam 8000	Bayar 1 Bulan = 600
Pinjam 20000	Bayar 1 Bulan = 1200

REAKSI SEGERA AMBIL TINDAKAN

"BUKAN iklan haram ah long sah-sah yang perlu diambil tindakan, malah poster pemandu kahwin yang dipajang sesuka hati di tiang dan papan tanda juga mesti diberi perhatian oleh PBT."

NUR HAFIZA MOHD. ZIN
Pekerja Swasta

"SEMUA pihak termasuk orang ramai perlu bertangjawab untuk mengatasi masalah ini dengan menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan ah long yang menampal iklan-iklan haram ini."

ABDUL RAZIF SULAIMAN
Pekerja swasta

"IKLAN haram yang ditampal di papan tanda sekitar pekan Bahau mengganggu pandangan pengguna kenderaan dan kegiatan ini mesti dibantas dengan serius."

NOOR AZLINA ARIFFIN
Peniaga

MDJ mengadakan operasi sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan dan ini bergantung kepada jumlah tenaga kerja yang ada dan jadual penguat kuasa MDJ."

ZAZALI SALEHUDIN
Yang Dipertua MDJ



MDJ laksana operasi iklan haram setiap bulan

JEMPOL 10 Okt. - Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Jempol (MDJ) mengadakan operasi pada setiap bulan untuk menurunkan iklan-iklan haram berkaitan pinjaman yang dipajang dan ditampal di sekitar daerah ini.

Yang Dipertua MDJ, Zazali Salehudin berkata, langkah itu bagi membendung kewujudan iklan haram tersebut daripada berleluasa dan terus mencemarkan persekitaran.

"MDJ mengadakan operasi sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan dan ini bergantung kepada jumlah tenaga kerja yang ada dan jadual penguat kuasa MDJ," katanya ketika mengulas kegiatan ah long menampal iklan haram di sekitar pekan Bahau di sini.

Menurut Zazali, kegiatan tersebut

MAKLUM BALAS

but sukar untuk ditasi ekoran jumlah iklan yang ditampal semakin bertambah walaupun operasi pembersihan dijalankan.

"Kita dapat mereka menggunakan kertas bersaiz A4 atau yang lebih kecil dan bilangannya terlampau banyak sehingga menyukarkan penguat kuasa menanggalkan iklan tersebut," katanya.

Bellau berkata, MDJ akan terus memantau kegiatan tersebut dan berusaha mengatasinya bagi memastikan imej kawasan berkenaan tidak tercemar dengan kehadiran iklan-iklan haram berkenaan.